

PROTECTING PUBLIC HEALTH

'REGULATE VAPE PRODUCTS'

Prohibition will only fuel black market, say industry groups

LUQMAN HAKIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE vape industry has urged the government to regulate, not ban, vape products, saying prohibition will only push users to the black market and punish legitimate businesses that comply with the law.

The Malaysian Vape Chamber of Commerce (MVCC) and Malaysia Retail Electronic Cigarette Association (MRECA) said enforcement and proper regulation under existing laws would be more effective in tackling product misuse and protecting public health.

MVCC secretary-general Ridhwan Rosli said banning vape products would drive consumers toward unregulated and potentially dangerous alternatives.

"Prohibition has never been an effective solution in tackling misuse.

"History has shown that when consumers are denied access to legal vape products, they turn to the black market and risk exposure to unregulated, unsafe substances."

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad told the Dewan Rakyat the government was considering a full ban on the use and sale of electronic cigarettes and vape products.

Ridhwan said the root of the problem was the illegal and unregulated market, not the licensed industry.

"Banning legal sales would unfairly penalise responsible businesses that are complying with government regulations and supporting harm reduction efforts."

He cited the National Health and Morbidity Survey 2019 data which showed that 4.9 per cent of Malaysians, or 1.1 million people, were using unregulated vape products, even when nicotine-based vapes were prohibited.

"In Johor and Kelantan, where sales have been banned since 2015, usage remains high, with over 150,000 users in Johor and more than 30,000 in Kelantan.

"Even in Singapore, where a full ban is in place, vape use increased from 3.9 per cent to 5.2 per cent between 2021 and 2023, according to a Milieu Insight survey.

"These examples show that prohibition does not work."

He said the vape industry contributed significantly to the economy, valued at RM3.48 billion in 2023, with more than 31,500 employees and 10,000 retail outlets, many owned by Bumiputera entrepreneurs.

"We welcome the formation of the expert committee to study va-



The Malaysian Vape Chamber of Commerce and Malaysia Retail Electronic Cigarette Association say enforcement and proper regulation will be more effective in tackling product misuse and protecting public health. NSTP FILE PIC

ping policy, but the legal industry must be included in the discussions, alongside addiction and harm reduction experts.

"Excluding key stakeholders will only result in policies that miss the root causes of misuse."

Malaysia Retail Electronic Cigarette Association president Datuk Adzwan Ab Manas questioned the Health Ministry's delay in approving vape products, despite companies complying with licensing and documentation rules.

"We already have the Control of Smoking Products for Public Health Act 2024. Use it to regulate strictly, not bypass it with a blanket ban."

He said the lack of enforcement and transparency was pushing consumers to the black market.

"We're ready to help enforce, monitor and clean up the market. But the government must act transparently and professionally, not punish those who comply."

Universiti Kebangsaan Malaysia community health specialist Professor Dr Sharifa Ezat Wan Puteh warned that a total vape ban could backfire if not accompanied by robust enforce-

ment and public education.

She said other countries had taken varying approaches to regulating vape.

"For example, the United Kingdom allows vape products under proper regulation, although it also permits the use of substances like THC (tetrahydrocannabinol). The same applies to the United States.

"In contrast, Thailand has banned vape, but continues to allow cigarette use due to its investments in the tobacco industry.

"Vape is seen as a competitor, so it is not allowed, even though users still obtain products through illicit means."

She said the Philippines, on the other hand, had implemented regulations to allow vape use.

"Their Health Ministry encourages smokers to quit by switching to vape under proper regulations."

Sharifa said another option that could be considered was the Australian model, where vaping is prescribed as a medical intervention.

"It has its pros and cons, but at least the option is there for smokers who want to quit."

EXPERT PANEL FORMED

Dzulkefly: Health Ministry seeks total vape ban

KUALA LUMPUR: The Health Ministry is seeking a full ban on the use and sale of electronic cigarettes and vape products.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the move would consider the legal implications, enforcement and public health, among other factors.

"The implementation of this ban must be carried out carefully, taking into account various aspects," said Dzulkefly in the Dewan Rakyat yesterday.

In response to a question from Datuk Ahmad Saad @ Yahaya (PN-Pokok Sena), Dzulkefly said

the government had formed an expert committee to study the matter.

He said the committee had recommended a comprehensive review of the industrial, regulatory, economic and licensing aspects before implementing a government-level ban.

"The Health Ministry is planning discussions with the Finance Ministry, the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, the Investment, Trade and Industry Ministry and the Attorney-General's Chambers."

He added that the ministry was

enforcing the Control of Smoking Products for Public Health Act 2024, which regulated product registration, advertising, promotion, sponsorship and relevant matters.

Dzulkefly said the committee would review enforcement mechanisms under the act and

recommend steps for a complete ban.

Up till last month, about 70 per cent of 58 police investigation papers found that vape products were laced with illegal drugs.

Similarly, 80 per cent of 64 investigations conducted in 2024 showed comparable findings.



KKM giat usaha haramkan vape

Pelbagai aspek diperhalusi demi lindungi kepentingan kesihatan rakyat

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi,
Muhammad Yusri Muzamir
dan Mohammad Khairil Ashraf
Mohd Khalid
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) sedang menuju ke arah pengharaman sepenuhnya penggunaan dan penjualan rokok elektronik atau vape di negara ini, bagi mengekang isu itu secara lebih berkesan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata pelaksanaan pengharaman itu perlu dibuat secara teliti mengambil

kira pelbagai aspek, termasuk impak kepada perundangan, penguatkuasaan dan kesihatan awam.

Katanya, penelitian menyeluruh sedang dijalankan bagi menilai keberkesanan langkah kawalan sedia ada serta keperluan dasar yang lebih komprehensif demi melindungi kepentingan kesihatan rakyat secara keseluruhan.

"Bagi mencapai kawalan yang lebih menyeluruh, khasnya dalam agenda pengharaman sepenuhnya terhadap penjualan dan penggunaan rokok elektronik atau vape, ia masih lagi di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan.

"Seiring dengan itu, KKM sedang menuju ke arah pengharaman sepenuhnya terhadap peng-

gunaan dan penjualan rokok elektronik atau vape bagi mengekang isu ini secara lebih berkesan," katanya sewaktu pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.



Dr Dzulkefly Ahmad

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Datuk Ahmad Saad (PN-Pokok Sena) mengenai pendirian KKM terhadap langkah beberapa kerajaan negeri yang menghentikan pengeluaran lesen perniagaan rokok elektronik dan vape dalam negeri masing-masing.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly berkata, pihaknya juga menyambut baik langkah enam kerajaan negeri iaitu Johor, Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah dan Pahang memutuskan untuk tidak mengeluarkan atau memperba-

harui lesen penjualan vape.

"Kementerian menyambut baik keputusan itu memandangkan kuasa pelesenan premis perniagaan terletak di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) di bawah kerajaan negeri.

"Pendekatan ini juga sejajar dengan aspirasi untuk melindungi kesihatan awam. Namun, begitu, kawalan dilaksanakan pada masa ini hanya membabitkan larangan penjualan produk merokok di premis tertentu seperti kedai khas dan tidak merangkumi kedai runcit atau serbaneka," katanya.

Fokus aspek kawal selia

Menurutnya, buat masa ini, KKM memberi keutamaan kepada pendekatan kawal selia yang ketat terhadap produk merokok melalui pelaksanaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852).

"(Ia) merangkumi keperluan pendaftaran produk, larangan

pengiklanan, promosi dan tajaan, kawalan terhadap penjualan serta larangan merokok di tempat kawasan larangan merokok," katanya.

Beliau berkata, melalui pendekatan menyeluruh, KKM melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu dinamakan 'Operasi Selamat Paru-Paru (Ops Selamat PaPa)' yang akan dilancarkan secara rasmi pada Jumaat ini.

"Operasi ini bertujuan memastikan penguatkuasaan Akta 852 dijalankan secara menyeluruh, bersepadu dan berkesan di seluruh negara," katanya, semalam.

Bercakap kepada sidang media selepas itu, beliau berkata, seiring penguatkuasaan bersepadu itu khususnya bagi mengawal ketat penjualan rokok elektronik atau vape itu, Ops Selamat Mama juga dilaksanakan bagi melindungi pasangan atau isteri daripada terdedah dengan toksik asap rokok daripada perokok pasif atau tegar.

KKM tuju ke arah pengharaman vape

Oleh Mohammad
Khairil Ashraf Mohd
Khalid

khairil.ashraf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang menuju ke arah pengharaman sepenuhnya penggunaan dan penjualan rokok elektronik atau vape.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad bagaimanapun berkata, pelaksanaan pengharaman itu perlu dibuat secara teliti mengambil kira pelbagai aspek termasuk impak kepada perundangan, penguatkuasaan dan kesihatan awam.

Katanya, penelitian menyeluruh sedang dijalankan bagi menilai keberkesanan langkah kawalan sedia ada serta keperluan dasar yang lebih komprehensif demi melindungi kepentingan kesihatan rakyat secara keseluruhan.

"Bagi mencapai kawalan lebih menyeluruh, khususnya dalam agenda pengharaman sepenuhnya terhadap penjualan dan penggunaan rokok elektronik atau vape, ia masih lagi di bawah kuasa kerajaan Persekutuan.

"Seiring dengan itu, KKM sedang menuju ke arah pengharaman sepenuhnya terhadap penggunaan dan penjualan rokok elektronik atau vape bagi mengekang isu ini secara lebih berkesan," katanya



DR Dzulkefly pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat.

sewaktu pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan **Datuk Ahmad Saad (PN-Pokok Sena)** mengenai pendirian KKM terhadap langkah beberapa kerajaan negeri yang menghentikan pengeluaran lesen perniagaan rokok elektronik dan vape dalam negeri masing-masing.

Mengulas lanjut, Dzulkefly berkata, pihaknya juga menyambut baik langkah enam kerajaan negeri iaitu Johor, Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah dan Pahang yang memutuskan untuk tidak mengeluarkan atau memperbaharui lesen penjualan vape.

"Kementerian me-

nyambut baik keputusan tersebut memandangkan kuasa pelesenan premis perniagaan terletak di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) di bawah kerajaan negeri.

"Pendekatan ini juga sejajar dengan aspirasi untuk melindungi kesihatan awam.

"Namun begitu, kawalan yang dilaksanakan pada masa ini hanya melibatkan larangan penjualan produk merokok di premis tertentu seperti kedai khas dan tidak merangkumi kedai runcit atau serbaneka," katanya.

Menurutnya, buat masa ini, KKM memberi keutamaan kepada pendekatan kawal selia yang ketat terhadap produk merokok melalui pelaksanaan Akta Kawalan Produk Merokok

Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852).

"Ia merangkumi keperluan pendaftaran produk, larangan pengiklanan, promosi dan tajaan, kawalan terhadap penjualan serta larangan merokok di tempat kawasan larangan merokok," katanya.

Beliau berkata, melalui pendekatan menyeluruh, KKM sedang melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu dinamakan 'Operasi Selamat Paru-Paru (Ops Selamat Pa-Pa)' yang akan dilancarkan secara rasmi pada 1 Ogos ini.

"Operasi ini bertujuan memastikan penguatkuasaan Akta 852 dapat dijalankan secara menyeluruh, bersepadu dan berkesan di seluruh negara," katanya.



KARTEL DALANG PERNIAGAAN WARGA ASING

KARTEL yang beroperasi secara berteluasa dikenal pasti punca utama di sebalik peningkatan premis perniagaan yang dikendalikan warga asing di negara ini.

Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Norsyahrin Hamidon berkata, kartel tersebut berperanan sebagai perantara dengan menggunakan nama atau lesen rakyat tempatan untuk mendaftarkan perniagaan sebelum menyerahkan sepenuhnya operasi harian kepada warga asing.

5

HENTI SENGKETA

Thailand dan Kemboja bersetuju melaksanakan gencatan senjata serta-merta tanpa syarat sebagai langkah penting ke arah meredakan ketegangan dan mengembalikan keamanan di kawasan sempadan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan persetujuan itu selepas mempengerusikan mesyuarat khas antara Thailand dan Kemboja di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya pada Isnin.



“Terima kasih kepada PM Anwar kerana menjadi tuan rumah kepada mesyuarat penting ini dan tepat pada masanya, selain daripada inisiatif peribadinya untuk mengantara gencatan senjata serta-merta.” - Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet

“Penghargaan ikhlas kepada Perdana Menteri Anwar, Kerajaan China dan Presiden Trump di atas keprihatinan dan pandangan bernas anda.” - Pemangku PM Thailand, Phumtham Wechayachai

MUKA 2 & 3



Agong kurnia surat cara pelantikan Ketua Hakim Negara kepada Wan Ahmad Farid

8



Anwar perlu per jelas kenapa harta Tun Daim dirampas

4



Diuji pemergian bayi selepas 11 tahun menanti zuriat

18



Kelaparan jadi senjata perang di Gaza

23



KKM PERTIMBANG HARAMKAN VAPE SECARA MENYELURUH

KEMENTERIAN Kesihatan Malaysia sedang menuju ke arah pengharaman sepenuhnya penggunaan dan penjualan rokok elektronik atau vape bagi mengekang isu penyalahgunaan produk itu secara lebih berkesan. Menteri, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad bagaimanapun berkata, pelaksanaan pengharaman ini perlu dibuat secara teliti dengan mengambil kira pelbagai aspek termasuk impak kepada perundangan, penguatkuasaan dan kesihatan awam.

6

Sinar Harian m/s & Nasional 29/7/2025 (Selasa)

Pengharaman dibuat dengan teliti mengambil kira pelbagai aspek

Oleh **NURUL HUDA HUSAIN**
KUALA LUMPUR

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang menuju ke arah pengharaman sepenuhnya terhadap penggunaan dan penjualan rokok elektronik atau vape bagi mengekang isu penyalahgunaan produk itu secara lebih berkesan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad bagaimanapun berkata, pelaksanaan pengharaman itu perlu dibuat secara teliti dengan mengambil kira pelbagai aspek termasuk impak kepada perundangan, penguatkuasaan dan kesihatan awam.

"Penelitian menyeluruh sedang dijalankan bagi menilai keberkesanan langkah kawalan sedia ada serta keperluan dasar lebih komprehensif demi melindungi kepentingan kesihatan rakyat secara keseluruhan.

"Mesyuarat Jawatankuasa Kepakaran Rokok Elektronik atau Vape juga telah diadakan pada

22 Julai lalu bagi meneliti isu-isu terkait strategi pengawalan vape dan pengukuhan kawalan terhadap produk merokok," katanya di Dewan Rakyat di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan **Datuk Ahmad Saad @ Yahaya (PN-Pokok Sena)** yang memintanya menyatakan pendirian KKM terhadap langkah beberapa kerajaan negeri yang menghentikan pengeluaran lesen perniagaan rokok elektronik atau vape dalam negeri masing-masing.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly berkata, Jawatankuasa Kepakaran Rokok Elektronik atau Vape turut mencadangkan kajian penilaian terhadap aspek perundangan, industri, hasil kerajaan dan pelesenan sekiranya penjualan dan penggunaan rokok elektronik atau vape ingin diharamkan.

Susulan itu katanya, KKM merancang mengadakan perbincangan terperinci bersama

empat kementerian dan jabatan utama iaitu Kementerian Kewangan (MoF), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Jabatan Peguam Negara.

"Buat masa ini, kementerian memberi keutamaan kepada pendekatan kawal selia yang ketat terhadap produk merokok melalui pelaksanaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852).

"Ia merangkumi keperluan pendaftaran produk, larangan pengiklanan, promosi dan tajaan, kawalan terhadap penjualan, serta larangan merokok di tempat kawasan larangan merokok," katanya.

Sementara itu katanya, KKM akan melancarkan Ops Selamat Paru-Paru (Ops Selamat Papa) Jumaat ini bagi memastikan keseluruhan penguatkuasaan Akta



DR DZULKEFLY

852 dapat dijalankan dengan menyeluruh dan berkesan.

Beliau berkata, usaha bersepadu itu penting bagi mengawal ketat penjualan rokok elektronik atau vape.

Selain itu katanya, Ops Selamat Mama juga turut dilaksanakan bagi melindungi

pasangan atau isteri daripada terdedah dengan toksik asap rokok daripada perokok pasif atau tegar.

"KKM dan saya sendiri sangat mengalu-alukan dan menyokong pendirian enam kerajaan negeri yang mengambil sikap untuk tidak mengeluarkan atau memperbaharui lesen-lesen penjualan rokok elektronik atau vape kepada premis-premis yang menjual vape.

"Itu adalah langkah yang baik, meskipun ia tidak dapat membanteras penjualan ini kerana penjualan di kedai-kedai runcit, serbaneka masih lagi wujud atau berleluasa," katanya lagi.

NEGERI YANG MELARANG PENGGUNAAN VAPE

JOHOR - Larangan penjualan vape sejak 1 Januari 2016

KELANTAN - Larangan penjualan vape sejak 2015

TERENGGANU - Larangan penjualan vape mulai 1 Ogos 2025

PERLIS - Larangan penjualan vape mulai 1 Ogos 2025

KEDAH - Tidak lagi menyambung pembaharuan lesen penjualan vape setelah lesen tamat tempoh

PULAU PINANG & NEGERI SEMBILAN - Pertimbang haramkan penjualan vape

SELANGOR - Arah papan tanda iklan, promosi vape diturunkan

KERAJAAN PERSEKUTUAN - KKM sedang menuju ke arah pengharaman sepenuhnya penggunaan dan penjualan vape

PAHANG - Larangan penjualan vape sebelum 2026



Sinar Harian M/S 6 Nasional 29/7/2025 (Selasa)

25,000 ahli farmasi lancar deklarasi perangai vape

SHAH ALAM - Seramai 25,000 ahli farmasi dari seluruh negara bergabung di bawah satu suara melalui Deklarasi Nasional Menentang Vape dan Rokok yang dilancarkan sempena National Pharmacists Convention (NPC) 2025 di Hotel Marriott Putrajaya Jumaat lalu.

Presiden Persatuan Ahli Farmasi Malaysia (MPS), Profesor Dr Amrahi Buang berkata, inisiatif bersejarah itu menegaskan pendirian tegas profesion farmasi Malaysia dalam membanteras ancaman ketagihan nikotin yang semakin meruncing khususnya dalam kalangan generasi muda.

Dr Amrahi menyampaikan mesej tegas mengenai peningkatan penggunaan vape, khususnya dalam kalangan remaja.

Beliau mengecam tindakan industri yang agresif menyasarkan golongan muda dan menekankan keperluan mendesak bagi tindak balas nasional yang tersusun.

"Ini bukan sekadar krisis kesihatan, ia kegagalan etika dan masyarakat. Kami tidak akan berdiam diri apabila budaya vape menyasarkan anak-anak kita. Deklarasi ini adalah garis pertahanan kita," katanya.

NPC 2025 bertemakan *Pharmacy United: Advancing Healthcare through Innovation, Collaboration & Resilience* dirasmikan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Alice Lau Kiong Yieng.

Dalam ucapan perasmiaannya, beliau

menekankan konvensyen tersebut menjadi platform strategik yang menyatukan ilmu, pengalaman dan tindakan bagi memperkukuh peranan ahli farmasi dalam reformasi kesihatan negara.

Beliau turut menyorot inisiatif seperti Mekanisme Ketelusan Harga Ubat (MKHU) yang disifatkannya sebagai usaha mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap sistem kesihatan dan memperkukuh kerjasama serantau di bawah Deklarasi ASEAN mengenai Keselamatan dan Daya Tahan Bekalan Ubat (ADSSR).

"Ahli farmasi kini menjadi jambatan antara dasar dan pelaksanaan, antara akses dan etika, antara penjagaan dan penyembuhan," katanya.

Dalam pada itu, Dr Amrahi memberi amaran lonjakan penggunaan vape di Malaysia terutama dalam kalangan remaja.

Beliau mendedahkan data semasa yang menunjukkan 14.9 peratus remaja Malaysia adalah pengguna e-rokok aktif manakala lebih 20 peratus pernah mencuba merokok, ramai daripadanya seawal usia 14 tahun.

Dr Amrahi turut menegaskan pendirian sahaja tidak mencukupi tanpa tindakan.

"Kami menyeru Kementerian Kesihatan (KKM), Parlimen dan semua pihak dalam ekosistem kesihatan, biayai, lengkapkan dan percayakan kami untuk memimpin perjuangan ini," katanya.

Beri kuasa dulu, kita ketengah calon PM - Mursyidul Am Pas »4

39 jemaah umrah terkandas di Jeddah akhirnya pulang hari ini »8

Wan Ahmad Farid angkat sumpah Ketua Hakim Negara

»3



PEMIKIRAN BAHARU

Utusan Malaysia

Thailand, Kemboja setuju berdamai

Oleh KAMARIAH KHALIDI
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Thailand dan Kemboja mencapai kata sepakat untuk berdamai dengan melaksanakan gencatan senjata serta-merta tanpa syarat susulan konflik sempadan yang berlaku di antara kedua-dua negara.

Putrajaya menjadi saksi kepada detik bersejarah itu dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan sesi mesyuarat khas yang berlangsung di Kompleks Seri Perdana, di sini semalam

Inisiatif Malaysia bantu capai gencatan senjata antara kedua-dua negara

dan Pemangku Perdana Menteri Thailand, Phumtham Wechayachai selepas sesi mesyuarat khas yang berlangsung di Kompleks Seri Perdana, di sini semalam

"Perdana Menteri Hun Manet dan Pemangku Perdana Menteri Phumtham Wechayachai menyatakan pendirian dan kesediaan mereka untuk melaksanakan gencatan senjata serta-merta dan kembali kepada keadaan seperti sedia kala (*normalcy*)," katanya.

Terdahulu, Anwar yang juga Pengerusi ASEAN mempengerusikan mesyuarat khas antara pemimpin kedua-dua negara itu bermula pukul 3.15 petang dan berakhir kira-kira dua jam kemudian.

Bersambung di muka 2



Semangat ASEAN

ANWAR Ibrahim bersama Hun Manet (kiri) dan Phumtham Wechayachai selepas sidang akhbar bagi mengumumkan persetujuan untuk berdamai dan gencatan senjata antara kedua-dua negara di Putrajaya, semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI



30 Julai hingga 30gos **MITEC**
Kuala Lumpur
10am - 10pm

1 Hari Lagi

UM M61 24/3 (2025-C 5claga)
Vape akan diharamkan di seluruh negara

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI
dan FATIN NORIZATI MAT ISA
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan sedang mengkaji untuk mengharamkan penjualan dan penggunaan rokok elektronik atau vape di seluruh negara sebagai langkah menjaga kesihatan awam sebagai perlindungan terhadap remaja serta kanak-kanak.

Bagaimanapun pengharaman itu akan dibuat secara teliti mengambil kira pelbagai aspek termasuk impak perundangan, penguatkuasaan dan kesihatan awam.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, penelitian menyeluruh sedang dijalankan bagi menilai keberkesanan langkah kawalan sedia ada dan keperluan dasar yang lebih komprehensif demi melindungi kesejahteraan rakyat.

Bersambung di muka 3

Vape akan diharamkan di seluruh negara

Dari muka 1

Katanya, bagi mencapai kawalan yang lebih menyeluruh, khususnya dalam agenda pengharaman sepenuhnya terhadap penjualan dan penggunaan rokok elektronik atau vape, ia masih lagi di bawah kuasa kerajaan Persekutuan.

“Mesyuarat Jawatankuasa Kepakaran telah diadakan pada 22 Julai lalu. Susulan itu, kementerian akan mengadakan perbincangan dengan empat kementerian utama iaitu Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) serta Jabatan Peguam Negara (AGC),” katanya sewaktu pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Dzulkefly berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Ahmad Saad @ Yahaya (PN-Pokok Sena) di Dewan Rakyat, berhubung pendirian kerajaan terhadap tindakan beberapa kerajaan negeri yang menghentikan pengeluaran lesen perniagaan vape.

Dzulkefly berkata tindakan penguatkuasaan juga terus dipertingkatkan, antaranya kompaun sebanyak RM20,000 dikenakan ke atas seorang pengedar di Kinta, Perak atas kesalahan iklan dan RM30,000 ke atas pengedar di Titiwangsa kerana menjual secara dalam talian.

Dzulkefly turut menyambut baik langkah enam kerajaan negeri termasuk Johor, Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah dan Pahang, yang memutuskan untuk tidak mengeluarkan atau memperbaharui lesen

penjualan vape.

Katanya kementerian menyambut baik keputusan tersebut memandangkan kuasa pelesenan premis perniagaan terletak di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) di bawah kerajaan negeri.

Pendekatan ini katanya, turut sejajar dengan aspirasi untuk melindungi kesihatan awam, namun, kawalan yang dilaksanakan pada masa ini hanya melibatkan larangan penjualan produk merokok di premis tertentu seperti kedai khas dan tidak merangkumi kedai runcit atau serbaneka.

“Buat masa ini, KKM memberi keutamaan kepada pendekatan kawal selia yang ketat terhadap produk merokok melalui pelaksanaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852).

“(Ia) merangkumi keperluan

pendaftaran produk, larangan pengiklanan, promosi dan tajaan, kawalan terhadap penjualan serta larangan merokok di tempat kawasan larangan me-rokok,” katanya.

Beliau berkata, melalui pendekatan menyeluruh, KKM sedang melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu dinamakan ‘Operasi Selamat Paru-Paru (Ops Selamat PaPa)’ yang akan dilancarkan secara rasmi bermula Jumaat ini.

“Operasi ini bertujuan memastikan penguatkuasaan Akta 852 dapat dijalankan secara menyeluruh, bersepadu dan berkesan di seluruh negara.

“Kami mahu penguatkuasaan Akta 852 bukan sekadar menarik lesen seperti dilakukan enam kerajaan negeri, tapi penjualan vape yang masih berleluasa,” katanya.

Kosmo m/s 8 Negara 22/7/2025 (Selasa)

Ops Selamat PaPa mahu menyelamatkan ibu dan keluarga daripada asap rokok

KUALA LUMPUR – Kementerian Kesihatan (KKM) akan melancarkan operasi penguatkuasaan bersepadu Operasi Selamat Paru-Paru (Ops Selamat PaPa) pada 1 Ogos depan.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, Ops Selamat PaPa sangat penting kerana bukan saja untuk menyelamatkan golongan bapa, tetapi juga menyelamatkan kaum ibu.

Kata beliau, ia bertujuan memastikan penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) dijalankan secara menyeluruh, bersepadu dan berkesan di seluruh negara.

Menurut beliau, Ops Selamat PaPa bukan hanya membabitkan KKM, sebaliknya akan turut melibatkan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi kerajaan.

“Ops Selamat PaPa bukan hanya untuk menyelamatkan papa (bapa), tetapi ops untuk menyelamatkan mama (ibu) juga akibat daripada papa yang merokok.

“Daripada segi fakta tahun 2022 hingga 2023, kes sakit paru-paru berjumlah 8,091, jumlah 5,251 melibatkan kaum lelaki, manakala wanita sebanyak 2,840. Jadi Ops Selamat PaPa juga akan menyelamatkan mama,” katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.



KKM akan mengadakan kempen dan penguatkuasaan Ops Selamat PaPa pada 1 Ogos ini. – GAMBAR JANAAN AI

Beliau menjawab soalan Datuk Ahmad Saad @ Yahaya (**PN-Pokok Sena**) pendirian KKM terhadap langkah beberapa kerajaan negeri menghentikan pengeluaran lesen perniagaan rokok elektronik dan vape.

Terdahulu, Dzulkefly berkata, KKM mengambil maklum tindakan kerajaan Johor, Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah dan Pahang tidak lagi mengeluarkan atau memperbaharui lesen penjualan rokok elektronik atau vape.

Menurutnya, KKM menyambut baik keputusan tersebut memandangkan kuasa perle-

“

Ops Selamat PaPa bukan hanya untuk menyelamatkan papa (bapa), tetapi ops untuk menyelamatkan mama (ibu) juga akibat daripada papa yang merokok.”

senan premis perniagaan terletak di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan di bawah kerajaan Negeri.

Harian Metro m/s 8 Lokal 29/7/2025 (Selasa)

Tahap kesihatan mental pekerja wanita Malaysia terkawal

Putrajaya: Tahap kesihatan mental wanita berkerjaya di Malaysia terkawal berbanding negara Barat, namun langkah advokasi dan intervensi awal tetap penting bagi mengelakkan tekanan menjadi lebih serius.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara (YKN) Nordina Haron berkata, kebanyakan wanita di negara ini masih mampu mengimbangi urusan kerjaya dan keluarga walaupun berdepan cabaran emosi dalam kehidupan seharian.

“Namun kalau tidak dikawal, tekanan boleh menjejaskan emosi. Sebab itu, program intervensi seperi-

ti Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) penting, kita buat sebelum parah,” katanya pada sesi bersama PSSS YKN anjuran Persatuan Wartawan Wanita Malaysia (PERTAMA) di sini.

Nordina berkata, wanita berkerjaya sering berhadapan tekanan termasuk isu keluarga, tugas kerja yang mencabar atau memikul tanggungjawab menjaga ibu bapa yang uzur, lebih-lebih lagi bagi wanita belum berkahwin.

“Ramai juga saya jumpa wanita berjawatan tinggi, tidak berkahwin tetapi menjaga ibu sakit. Kalau tidak pandai kawal stres, ia boleh ganggu kestabilan

emosi juga,” katanya.

Nordina berkata, YKN amat menghargai kerjasama dengan PERTAMA kerana wartawan wanita adalah kumpulan yang turut terdedah kepada beban emosi terutama ketika membuat liputan kes tragis atau membabitkan penderitaan rakyat.

“Isu ini kadang-kadang hanya wanita yang faham. Wartawan wanita melihat bagaimana (contohnya) ibu menangis di mahkamah kerana anak terbabit da-

dah atau mencuri kerana kesempitan hidup dan emosi itu mereka bawa pulang. Jadi sesi psikososial ini membantu mereka lepaskan beban itu,” katanya.

Beliau berkata, PSSS kini aktif menjalankan program intervensi di seluruh negara melalui lapan unit mobil di zon tengah, utara, selatan, timur, Sabah dan Sarawak.

Sesi anjuran PERTAMA turut menyaksikan penyertaan lebih 30 wartawan wanita daripada persatuan itu yang menjalani

saringan kesihatan mental menggunakan ujian Skala Kemurungan, Kebimbangan dan Tekanan (DASS), analisis personaliti secara metafizik menerusi lukisan dan tarikh lahir, serta latihan penggunaan bola tekanan dan teknik pernafasan.

Sementara itu, Presiden PERTAMA, Sariha Mohd Ali menyifatkan program berkenaan sebagai pengalaman luar biasa yang menyedarkan peserta mengenai pentingnya menjaga kesihatan mental.

“Kadang-kadang kita rasa sihat, tetapi sebenarnya terjejas secara dalaman. Aktiviti seperti melukis yang nampak remeh pun

sebenarnya boleh bantu kenal pasti personaliti dan beban emosi. Insya-Allah kita rancang lagi sesi seperti ini dengan pendekatan berbeza, supaya kita dapat korek lagi apa sebenarnya ‘tanggungan’ jiwa orang media,” katanya.

Program dua hari satu malam anjuran PERTAMA yang bermula Sabtu lalu diadakan di Glam-ping@Wetland Putrajaya. Bertemakan rehat, refleksi dan rangkaian sokongan sesama wanita, program berkenaan turut diselitkan dengan beberapa aktiviti lasak seperti ATV yang mencabar fizikal dan membina semangat berpasukan.

“
Kadang-kadang
kita rasa sihat,
tetapi sebenarnya
terjejas secara
dalaman
Sariha

Kosmo M/s 13 Negeri 29/7/2025 (Selasa)

Farmasi EMZI Care, farmasi konsep moden dilancar Ogos

SUNGAI PETANI – Kumpulan Syarikat EMZI terus melangkah ke hadapan dalam usaha memperkukuh jenama serta memperluaskan akses kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti.

Terkini, EMZI Care Outlet yang terletak di SP Plaza, di sini bakal dinaik taraf menjadi sebuah farmasi berkonsepkan moden dan interaktif menjelang Ogos.

Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Syarikat EMZI, Amir Asyraf berkata, langkah strategik itu bukan sahaja memanfaatkan kehadiran fizikal jenama EMZI, malah membuka lembaran baharu dalam penyampaian servis kesihatan holistik kepada masyarakat setempat.

Katanya, Farmasi EMZI Care menampilkan rekaan dalaman yang moden, kemas dan informatif dengan rekaan khas untuk memberikan pengalaman menarik kepada pelanggan dalam mendapatkan produk serta khidmat nasihat kesihatan.

"Petugas berkelayakan akan bersedia memberikan konsultasi

secara profesional, membantu pelanggan memahami keperluan kesihatan mereka dan mencadangkan produk bersesuaian secara peribadi.

"Pendekatan itu bertujuan menjadikan setiap kunjungan bukan sekadar membeli, malah sebagai pengalaman pembelajaran yang bermanfaat untuk gaya hidup sihat," katanya.

Selain menawarkan produk kesihatan sedia ada, beliau berkata, Farmasi EMZI Care juga menyediakan akses kepada ubat-ubatan terkawal, khidmat nasihat kesihatan profesional serta pelbagai produk penjagaan kesihatan yang diyakini dan berkualiti tinggi.

"Pelanggan juga boleh mendapatkan rangkaian produk EMZI Care termasuk Kopi Ala Kazim, Olive Tin dan Teh Tarik Mahmudi yang kesemua produk itu dijamin halal dan diproses mengikut piawaian Amalan Pengilangan Baik (GMP) serta Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) melalui kilang EMZI yang telah



FARMASI Emzi Care menawarkan pilihan produk kesihatan berkualiti dan dipercayai ramai.

melepassi ujian saintifik dan klinikal.

"Sebagai jenama diasaskan melalui kajian, pembangunan produk dan pengilangan yang mematuhi standard kesihatan ketat, EMZI Care kini dikenali sebagai antara jenama tempatan yang dipercayai dalam industri kesihatan dan gaya hidup sihat," ujarnya.

Jelasnya, penubuhan farmasi itu secara langsung menjadi bukti nyata terhadap komitmen berterusan EMZI dalam meningkatkan taraf kesihatan pengguna melalui akses kepada produk yang selamat, berkesan dan terbukti melalui kajian.

Tambahnya, Farmasi EMZI Care bukan sahaja berperanan sebagai pusat pembelian produk

kesihatan, tetapi juga sebagai destinasi rujukan kesihatan komuniti.

"Ia selari dengan komitmen Kumpulan Syarikat EMZI dalam merealisasikan visi We Deliver Better Health to Your Home yang menjadi asas dalam setiap usaha memperkasakan kesejahteraan pelanggan di seluruh negara, tambahanya.

COMMENT by Datuk Dr Mah Hang Soon

Wake-up call for our healthcare system

HEALTH Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad recently revealed that 2,293 patients are currently waiting for cardiothoracic surgery in government hospitals, with some having to wait for up to seven months.

For children's heart surgeries, the situation is even more worrisome, with 603 cases on the waiting list and an average wait time of 21 months. These are not just cold, lifeless statistics. Behind every number is a human story. We all know this truth: While a patient can wait, a heart condition does not.

This serious backlog in cardiothoracic surgery is not just an operational hiccup; it is a sign of something deeply wrong with the structure of our national healthcare system.

As a cardiologist myself, I must stress that heart and lung conditions do not improve by simply waiting.

For many patients, time is literally a matter of life. The longer the delay, the more complicated the condition becomes and the riskier the surgery. Worse still, if treatment is delayed too long, we risk missing the critical window to save a life.

Why are patients waiting so long?

Such large-scale, systemic surgical delays are not isolated incidents in a few hospitals. They are a clear manifestation of structural imbalance within the national healthcare system which urgently needs fixing.

➡ Not enough specialists

Public hospitals have been short on cardiothoracic specialists for years. Due to the instability of the contract system, many doctors have left for private hospitals or gone overseas. That leaves the rest struggling to keep up with hundreds of cases. One doctor with two hands can only do so much - they cannot handle it all.

➡ Unequal access to facilities

Heart surgery facilities are concentrated in only a few major city hospitals. That means patients in East Malaysia or remote areas are at a serious disadvantage. Some hospitals cannot

"Malaysia must not become a country where patients cannot afford to wait and doctors cannot afford to stay. Every delayed operation is not just another line item on the Health Ministry's KPI; it is a family's future hanging in the balance."



For children's heart surgeries, the situation is even more worrisome, with 603 cases on the waiting list and an average wait time of 21 months.

—BERNAMAPIC

even offer heart surgery, so patients have to be referred to city hospitals, where they are put on long waiting lists. It is an unfair system where location decides your chances of survival.

➡ Wrong priorities in healthcare planning

While the government has been increasing the healthcare budget every year, its focus has mainly been on constructing new or upgrading existing hospitals and buying equipment.

We are not doing enough to keep specialists, enhance training or improve how we coordinate surgeries and resources.

The system may look big but it is not functioning the way it should. It is like a body with a swollen frame but a weak heart.

What about children?

This is where the situation becomes truly heartbreaking. A 21-month wait for a child with heart disease is nearly their entire early childhood.

Many congenital heart defects need to be treated during key growth stages. Missing that window could mean missing the chance to grow up healthy.

Imagine being a parent, sitting by

your child's hospital bed every day, only to hear the doctor say, "We need to wait a bit longer". That is not a failure of the medical team; it is a failure of the system. And it is more brutal than the illness itself.

These are five urgent measures the Health Ministry can undertake:

➡ Use special emergency funds to clear surgery backlog

Just like during the pandemic, set up a "Special Cardiothoracic Surgery Fund". Bring in private hospitals or university medical centres to help reduce the waiting list. Lives should never be held up by bureaucracy.

➡ Launch short-term overseas specialist programme

Bring in certified foreign cardiothoracic surgeons to work in government hospitals for two to three years. Let them collaborate with local teams to speed things up and share expertise.

➡ Create national scheduling and coordination system

We need a proper central platform that tracks all surgery cases and helps balance the workload across hospitals. This can stop situations where some hospitals are overloaded while others sit underutilised.

➡ Train more specialists

This is a demanding and often overlooked specialty. The government should offer scholarships, reduce compulsory service periods and improve training support to attract more doctors. If we do not act now, even our senior trainers will retire without successors.

➡ Fix doctor retention problem

In the long run, we must reform the contract system, improve salaries and offer a better work environment. If we do not, the shortage of doctors will keep getting worse, not just in heart surgery but across the entire healthcare system. Malaysia must not become a country where patients cannot afford to wait and doctors cannot afford to stay.

Every delayed operation is not just another line item on the Health Ministry's KPI; it is a family's future hanging in the balance. We cannot keep blaming "system limitations" when lives are on the line. If reforms are slow and the response continues to lag, we will not only lose patients but also the people's trust in public healthcare.

Datuk Dr Mah Hang Soon is the MCA deputy president.
Comments: letters@thesundaily.com

SEAMLESS JOURNEY WITH A DIRECT FLIGHT TO REDANG ISLAND

FROM SUBANG SKYPARK | PENANG | SELETAR, SINGAPORE

flight.berjayaahotel.com

THE TAARAS